

10 OCT 2003

Sukan-Berbasikal (Malaysia)

PELUMBA M'SIA SERTAI JELAJAH THAILAND SEBELUM KE SUKAN SEA

SHAH ALAM, 10 Okt (Bernama) -- Pelumba-pelumba negara akan dihantar menyertai Jelajah Thailand (Tour of Thailand) yang berlangsung dari 21 hingga 26 Okt ini sebagai persiapan terakhir skuad negara menjelang Sukan SEA di Vietnam, Disember depan.

"Walaupun pelumba-pelumba negara kini menyertai Jelajah Malaysia, perlumbaan di Thailand ini adalah sebahagian daripada persiapan mereka ke Sukan SEA," kata pengurus pasukan Malaysia Amrun Misnoh yang ditemui pemberita selepas majlis pemyampaian hadiah peringkat kelima Jelajah Malaysia di Dataran Putrajaya hari ini.

Katanya senarai pelumba yang akan membawa cabaran negara ke sukan SEA dari 5 hingga 13 Dis dikekalkan dan tiada perubahan akan dilakukan terhadap senarai yang ada sekarang.

Para pelumba yang tersenarai ialah Mahdzir Hamad, Sazlee Ismail, Musairi Musa, Shahrulneeza Razali dan Suhardi Hassan, Turut terpilih ialah pelumba di bawah Majlis Sukan Negara (MSN), Sayuti Zahid.

Amrun berkata walaupun majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah menetapkan hanya empat pelumba dan tiga pegawai akan wakili kontinjen Malaysia, pihak Persatuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) akan menanggung sepenuhnya dua lagi pelumba.

Menurut beliau untuk Jelajah Thailand senarai lima pelumba akan dihantar. Mereka ialah Sharulneeza, Mahadzir, Musairi dan Sayuti, manakala pelumba acara trek MSN Mohd Yusof Nasir juga akan dipilih mewakili negara ke kejohanan itu.

Jelas beliau sebelum ini, acara jelajah Thailand itu akan diwakili pelumba-pelumba Selangor sahaja tetapi PKPM telah membuat keputusan supaya pelumba negara yang dihantar.

Manakala dua lagi pelumba negara, Suhardi dan Sazlee pula dijadual menyertai Kejohanan Antara Universiti di Sydney, Australia dari 19 hingga 26 Okt depan.

"Mereka akan menyertai Uniten (Universiti Tenaga Nasional) di kejohanan itu nanti di bawah bimbingan Edwin Ng," katanya.

Ditanya sama ada pelumba-pelumba negara akan menjalani latihan secara berpusat sebelum menyertai Sukan SEA, Amrun berkata latihan intensif secara berpusat di Cameron Highlands, Pahang di bawah bimbingan jurulatih negara Ng Joo Ngan.

Sesi latihan intensif di Cameron Highlands itu adalah bagi menyesuaikan pelumba dengan suhu sejuk di Hanoi nanti.

Para pelumba negara itu akan menjalani latihan berpusat berkenaan bermula 1 Nov depan sebaik sahaja pulang daripada menyertai dua kejohanan di luar negara.

-- BERNAMA

FA HM PR

10 OCT 2003

Mahathir-Budi

DR MAHATHIR NASIHAT RAKYAT TAHU MEMBALAS BUDI

PUTRAJAYA, 10 Okt (BERNAMA) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat mengamalkan amalan membalas budi kerana ia adalah satu cara baik bagi menunjukkan rasa terima kasih dan bersyukur.

"Kita rasa bersyukur kerana kesanggupan pihak swasta menghulur derma, maka kita apabila menerima sesuatu itu kita harus rasa bersyukur, berasa berhutang budi.

"Tidak cukup rasa terima kasih, kita membalas budi, itu adalah adat kita, adat orang Melayu terutamanya," kata Dr Mahathir ketika melancarkan Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu di sini, malam ini.

Beliau berkata masyarakat swasta contohnya sering menghulurkan derma di mana rakyat sedikit sebanyak menerima hasil daripada usaha mereka.

Di samping itu, katanya pihak swasta tidak lupa membayar cukai kepada kerajaan bukan semata-mata untuk mendirikan patung atau monumen atau benda-benda yang tidak membawa manfaat kepada rakyat.

Sebaliknya, katanya kerajaan membelanjakan wang yang banyak bagi memberikan kemudahan kepada rakyat dengan menyediakan jalan, lebuhraya, lapangan terbang dan jalan keretapi.

Pada masa yang sama pembangunan luar bandar seperti menyediakan lampu, bekalan air, elektrik, klinik dan pusat kesihatan tidak dipinggirkan.

"Walaupun kerajaan mengeluarkan belanja yang banyak masih juga ianya tidak mencukupi dengan itu pihak swasta diminta menolong, membantu supaya rakyat mendapat kemudahan," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana kerajaan tidak mampu menyediakan segala kemudahan atas pihak yang berusaha mengadakan tempat-tempat di mana rakyat boleh mempelajari bidang baru seperti komputer dan teknologi maklumat.

Oleh itu, katanya kesanggupan pihak swasta menghulur derma seharusnya di sambut dengan rasa bersyukur dan merasa berhutang budi.

Yayasan itu ditubuhkan pada tahun 2000 di bawah kelolaan dan pengurusan Universiti Utara Malaysia dengan sumbangan yang dihulurkan oleh beberapa badan korporat seperti Yayasan Al Bukhary, Oyl Manufacturing Sdn Bhd dan Tenaga Nasional Berhad yang telah membina pusat pendidikan komuniti di kawasan Parlimen Kubang Pasu di Jitra, Kedah.

Ia bertujuan memajukan masyarakat di kawasan itu dalam konteks pendidikan berterusan khasnya dalam bidang komputer dan pembangunan insan.

-- BERNAMA